

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA



TARIKH: 18 JANUARI 2023
www.agrobank.com.my

AGROBANK LANCAR KEMPEN CNY HUAT AH SEMPENA PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA

KOTA KINABALU, SABAH – Sempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina yang bakal menjelang, Agrobank hari ini telah melancarkan Kempen CNY Huat Ah yang disempurnakan oleh YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertujuan untuk memupuk pengurusan kewangan yang baik menerusi perkhidmatan penyimpanan di Agrobank.

Kempen Huat Ah ini mengetengahkan dua mini kempen* iaitu **(i) Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza** dan **(ii) Kempen Extravaganza FRIA-i** yang merupakan antara inisiatif Agrobank untuk memupuk budaya bijak berbelanja.

Bagi menggalakkan amalan menyimpan, pelanggan boleh menjana keuntungan menerusi simpanan berjangka dengan kadar keuntungan yang kompetitif iaitu 4.25% bagi tempoh dua belas bulan menerusi **Kempen Extravaganza FRIA-i** dan akaun simpanan melalui **Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza**.

Menurut Datuk Yunos Abd Ghani, Pengerusi Agrobank, “Agrobank sentiasa memberikan galakan dan bimbingan kepada pelanggan dan pemegang taruh khususnya dalam menguruskan kewangan kerana pengurusan kewangan yang baik dapat membantu dalam menjana pendapatan dan memantau aliran tunai perniagaan.”

“Huat bermaksud ‘kemakmuran’ Agrobank percaya bahawa pelanggan mempunyai keazaman untuk mempunyai kemakmuran dalam kewangan dan ‘kebebasan kewangan’ (*financial freedom*) bagi menjamin masa hadapan yang lebih baik. Menyedari tentang pentingnya usaha ini, Agrobank memperkenalkan Kempen Huat Ah khusus untuk menggalakkan pelanggan untuk menyimpan menerusi simpanan berjangka di Agrobank,” kata beliau.

Bercakap mengenai Kempen Huat Ah, YB Chan Foong Hin berkata, “Perkhidmatan Agrobank tidak hanya terhad kepada pembiayaan bagi memacu sektor agromakanan, ia juga meliputi pelbagai produk konsumer yang lain seperti simpanan berjangka, takaful, pengurusan wasiat dan lain-lain. Golongan B40 dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan antara yang mudah terkesan dengan sebarang impak oleh ketidaktentuan ekonomi, oleh itu, inisiatif Agrobank menerusi Kempen Huat Ah ini adalah bertepatan bagi memupuk budaya menyimpan dalam kalangan masyarakat kita.”

Terdahulu, Agrobank telah menganjurkan program '*Huat Ah Shopping Spree*', sebuah inisiatif julung kalinya diadakan di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan untuk meringankan beban pelajar-pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daripada latar belakang keluarga B40 di sekitar Kota Kinabalu menjelang sambutan Tahun Baharu Cina.

Turut hadir pada majlis pelancaran Kempen Huat Ah ini adalah Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank dan Tuan Abszra Davadason Peter, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Huat Ah, sila layari laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my atau hubungi pusat perkhidmatan pelanggan di 1-300-88-2476 atau terus berkunjung ke cawangan terdekat Agrobank.

***MENGENAI KEMPEN HUAT AH**
(tertakluk kepada terma dan syarat)

i. Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza

- Bermula pada 18 Januari 2023 sehingga 28 Februari 2023.
- Dibuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Agrobank dengan deposit minimum serendah RM1,000 bagi individu dan RM3,000 bagi bukan individu.
- 38 Pemenang akan dipilih menerusi cabutan bertuah dan akan menerima angpau RM888 setiap seorang.
- Bagi pelanggan yang meneruskan simpanan mereka sehingga 31 Mac 2023, mereka akan berpeluang untuk memenangi Proton X50 bagi cabutan bertuah utama Kempen Deposit Bonanza.

ii. Kempen Extravaganza FRIA-i

- Dibuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Agrobank dengan minimum deposit sebanyak RM5,000 dan maksimum RM2,000,000.
- Kadar keuntungan sebanyak 4.25% bagi tempoh dua belas bulan.
- Kempen ini sedang bermula dan tamat pada 24 Februari 2023.

###

Mengenai Agrobank

Agrobank adalah peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan berasaskan nilai (VBI)* di Malaysia. Ditubuhkan pada 1969, Agrobank terlibat secara aktif mencatatkan pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian di Malaysia dengan menawarkan produk dan solusi kewangan yang patuh syariah merentasi pelbagai segmen pelanggan termasuk pelanggan korporat, komersial, konsumen, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan mikro. Agrobank merupakan sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya sejak 1 Julai 2015.

Sebagai sebuah IKP (Institusi Kewangan Pembangunan) yang berorientasikan pelanggan, fokus utama Agrobank adalah untuk mengukuhkan sektor pertanian. Justeru itu, Agrobank beriltizam untuk bergerak seimbang dalam melaksanakan peranan pembangunan dan komersialnya bagi memanfaatkan sektor pertanian. Agrobank menyediakan solusi pembiayaan yang menyeluruh untuk komuniti pertanian; merangkumi aktiviti hulu seperti bekalan input pengeluaran pertanian dan untuk aktiviti hiliran seperti pemprosesan, pemasaran dan jualan produk pertanian kepada pengguna.

Agrobank juga menawarkan penyelesaian pembiayaan perbankan runcit untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti-pertanian. Ini dilaksanakan menerusi 207 rangkaianannya yang merangkumi 140 cawangan dan 67 rangkaian perbankan yang lain.

Pada tahun 2019, Agrobank meraikan ulang tahun Jubli Emas menandakan 50 tahun penubuhannya membangunkan industri agro.

www.agrobank.com.my

**VBI atau perantaraan berasaskan nilai merupakan satu inisiatif daripada Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertujuan untuk menambah nilai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam bagi menggalakkan keusahawanan, kesejahteraan komuniti, kelestarian alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi tanpa mengabaikan pulangan kepada para pemegang saham.*

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Intan Syazwani Isa

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank
03-2731 1616 / +6012-702 3110 | intan.isa@agrobank.com.my

Syarifah Syameen Syed Johari

Eksekutif Kanan, Perhubungan Awam, Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank
03-2731 1652 / +6012-310 1766 | syameen@agrobank.com.my

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank